



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 24 JANUARI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	NEKMAT SEDIA HANTAR IKAN KE RUMAH, DALAM NEGERI, UM -5 BOLEH BELI IKAN SEGAR MELALUI ONLINE, NEGARA, KOSMO AHAD -14	PERSATUAN NELAYAN KEBANGSAAN (NEKMAT)
3. 4. 5.	KARTEL DAGING IMPORT BULI, SABOTAJ SYARIKAT BUMIPUTERA, NASIONAL, BH AHAD -9 PELABURAN PULANGAN LUMAYAN, XPRESI, METRO AHAD -35 HASIL 6,000 EKOR SEBULAN, XPRESI, METRO AHAD -36	LAIN-LAIN

UKKMAFI

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/1/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	5

Nekmat sedia hantar ikan ke rumah

KUALA LUMPUR: Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) menyediakan sekurang-kurangnya 500 kilogram (kg) ikan setiap hari bagi memenuhi keperluan penduduk sekitar ibu negara terutama dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Pengurus Besar Nekmat, Azrin Shah Ismail berkata, semua bekalan ikan tersebut yang diperoleh daripada nelayan di beberapa buah negeri diambil secara terus setiap hari bagi memastikan kesegarannya.

Katanya, harga ikan ditawarkan Nekmat juga lebih berpatutan iaitu kurang antara lima sehingga 10 peratus daripada harga pasaran.

“Nekmat ambil sendiri bekalan ikan daripada nelayan di Perlis, Kedah atau Pulau Pinang. Sebab itu kita boleh tawarkan harga yang murah dan dalam masa sama kami nak bela nasib nelayan terutama ketika harga ikan ‘jatuh’ kerana lambakan.

“Sekarang cuaca tidak menentu dan laut agak bergelora. Banyak nelayan tidak dapat tu-

run ke laut. Kami jangka selepas Tahun Baharu Cina apabila cuaca kembali pulih harga akan lebih murah,” katanya ketika ditemui selepas program Jualan Ikan di Pusat Jualan Ikan dan Produk Hasil Laut Nekmat di Taman Wahyu dekat sini semalam.

Azrin Shah berkata, bagi memudahkan orang ramai mendapatkan bekalan ikan sepanjang tempoh PKP, Nekmat juga menyediakan perkhidmatan Jualan Ikan Segar Beku (QFish) dan makanan laut dengan menghantarnya ke rumah pelanggan melalui pesanan kepada ‘runner’ di bawah seliaan persatuan itu.

“Kita akan selalu kemas kini maklumat terbaharu berkenaan stok dan harga ikan dalam laman Facebook Nekmat. ‘Runner’ di setiap kawasan seperti Shah Alam, Lembah Klang akan mula menerima tempahan.

“Di samping itu, pelanggan juga boleh membuat tempahan di laman Shopee dan Nekmatbiz. Semua penghantaran akan dibuat dari Pusat Pengumpulan dan Pengedaran Nekmat Taman Wahyu,” katanya.

Nekmat perkenal empat kaedah permudahkan pengguna dapatkan bekalan makanan

Boleh beli ikan segar melalui online

Oleh SYED MOHD HAZIQUE SYED NOR

PETALING JAYA – Keperluan untuk mendapatkan bekalan ikan dan makanan laut sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kini dipermudahkan dengan adanya inisiatif oleh Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) yang memperkenalkan perkhidmatan penghantaran Jualan Ikan Segar Beku (Q-Fish). Pengurus Besar Nekmat, Azrin Shah Ismail berkata, orang ramai kini tidak perlu risau kerana semua jenis ikan akan diiklankan di Facebook Nekmat bagi memudahkan para pengguna.

Paling menarik katanya, sebanyak 15 jenis ikan laut segar berharga serendah RM4 ditawarkan kepada para pembeli.

"Bagi penduduk sekitar Lembah Klang, mereka juga boleh membeli secara online melalui www.nekmatbiz.com.my atau di shopee.com.my/nekmatos," katanya.

Dalam pada itu katanya, Nekmat turut memperkenalkan empat cara mudah kepada pelanggan untuk mendapatkan ke-



"Orang ramai boleh mula membeli seawal pukul 7 pagi hingga 7 malam sepanjang kedai itu beroperasi", jelasnya.

Beliau menambati, premis tersebut berkonsepkan One Stop Centre dan sasaran utama kepada pelanggan dan perniagaan.

Katanya, semua stok barangan adalah usaha sama usahawan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), ahli Persatuan Nelayan Kawasan (PNE), Pertubuhan Peladang, usahawan bumiputera, usahawan Industri Kecil Sederhana (IKS) dan usahawan Fama (FamaCorp).

"Kebanyakan barang yang dijual memang datang daripada usahawan-usahawan tempatan selain produk Nekmat sendiri," ujarnya.

Sementara itu, katanya, jualan ikan segar yang diusahakan Nekmat di kawasan yang sama juga mendapat sambutan yang membaransangkan sejak dimulakan pada 10 Mac tahun lalu.

Jelasnya, keuntungan yang diraih sehingga kini bernilai kira-kira RM2.055 juta melibatkan penjualan keseluruhan sebanyak 219 metrik tan.

BEBERAPA orang pelanggan memilih pelbagai jenis ikan yang dijual di Pasar Mini NEKmart di Taman Wahyu, Kuala Lumpur semalam.

perluan barangan mereka. Azrin Shah berkata, kesemua empat kaedah itu boleh dilakukan di Pasar Mini NEKmart yang

dilancarkan pada 12 Januari lalu di Taman Wahyu, Kuala Lumpur. "Empat cara mudah itu ialah pembelian secara terus di kedai,

pembelian melalui 'runner', konsep 'Pick-N-Go' melalui aplikasi dan melalui jualan online di NEKMATBIZ atau Shopee.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/1/2021	BERITA HARIAN AHAD	NASIONAL	9

Kartel daging import buli, sabotaj syarikat Bumiputera

Sindiket didakwa bermain harga, guna khidmat tonto elak ditahan

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kartel daging import bukan sahaja dipercayai menyeludup masuk bekalan tidak sah ke negara ini yang diragui status halal dan kualitinya, malah turut didakwa menganiaya syarikat pengimport lain khususnya Bumiputera yang menjalankan perniagaan sama.

Difahamkan, kartel yang mengawal pasaran dan bekalan sehingga 'mensabotaj' perniagaan pengimport lain, terutama peniaga baharu dengan bermain harga, bertujuan memastikan syarikat Bumiputera kerugian tidak dapat bersaing, sekali gus 'gulung tikar'.

Modus operandi mereka ialah dengan menurunkan harga daging import ketika bekalan berkecukupan dalam perjalanan dari negara sumber ke pelabuhan di Malaysia.

Dengan itu, pelanggan kepada syarikat pengimport bukan dalam rangkaian kartel, tidak akan membeli bekalan pada harga yang dipersetujui lebih awal kerana bekalan boleh mendapatkannya lebih murah daripada kartel.

Berdasarkan maklumat yang diperolehi, kartel dikatakan akan mengisi maklumat berhubung jumlah kontena yang dibawa masuk oleh pengimport dan harga bekalan yang dibuka ketika di loji penyembelihan.

Mereka juga dipercayai bersekongkol dengan pengimport tertentu di Malaysia untuk menurunkan harga bekalan terbahit bagi 'membuli' syarikat lain, sekali gus membunuh saingan.

Situasi itu diakui antara pengimport Bumiputera pertama di negara ini, Datuk Dr Mohd Noor Ali Akbar, yang mendakwa, beliau berdepan pengalaman 'dibuli' kartel, kira-kira 20 tahun lalu.

Ia sekali gus turut membuktikan bahawa kegiatan kartel daging import sudah lama berakar umbi di negara ini.

Mohd Noor yang kini Presiden Persatuan Pengimport Daging Halal Muslim Malaysia (HALMIM), berkata pihaknya kerugian hampir RM100,000 apabila sindiket terbabit menurunkan harga daging import dari India ketika dalam perjalanan ke negara ini.

Katanya, beliau pernah membawa masuk tiga kontena bekalan daging import dari negara luar dengan setiap kontena memuatkan bekalan bernilai kira-kira RM380,000 ketika itu.

Mohd Noor mendakwa, ketika dalam perjalanan dengan kapal di tengah laut, sindiket menurunkan AS\$10,000 bagi setiap kontena, menyebabkan beliau kerugian AS\$30,000 bagi tiga kontena berkenaan.

"Permainan harga ini boleh dilakukan syarikat kartel kerana harga daging bukan berada di bawah kawalan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-NHEP).



Ada juga syarikat pengimport khususnya Bumiputera yang terpaksa gulung tikar disebabkan tewas dengan permainan sindiket ini.

Mohd Noor Ali Akbar,
Presiden HALMIM

"Bayangkan, satu kontena saya kerugian AS\$10,000 atau kira-kira RM30,000 ketika itu, bagi tiga kontena ia mencecah hampir RM100,000. Ia urusan perniagaan pertama saya, tujuh hari saya tidak boleh tidur memikirkan perkara itu," katanya kepada *BH* dan *NST*.

Pada masa sama, Mohd Noor berkata, beliau juga berdepan cabaran apabila mendapat 'nasihat' daripada pihak tertentu supaya tidak memasuki cabang perniagaan daging import, dipercayai untuk menyekat pembabitannya.

Selepas lebih 20 tahun melalui pengalaman sebagai pengimport, beliau berkata, pihaknya akan cuba membantu supaya ancaman sama tidak berlaku kepada syarikat pengimport Bumiputera lain di negara ini.

"Ada juga syarikat pengimport khususnya Bumiputera yang terpaksa gulung tikar disebabkan tewas dengan permainan sindiket ini," katanya.

Beliau juga mendakwa, syarikat kartel turut menggunakan perkhidmatan 'tonto' untuk mengelak daripada ditahan pihak berkuasa ketika serbuan atau pemeriksaan dilakukan.

Mengenai langkah bagi mengawal salah guna permit import (AP) daging sejuk beku, Mohd Noor berkata, sudah tiba masanya Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) memainkan peranan mengenakan syarat baharu.

"Wajibkan syarikat yang mahu memohon AP supaya berdaftar dengan persatuan supaya persatuan boleh membendung perbuatan yang tidak mengikut tatacara ditetapkan.

"Sekarang, syarat untuk mendapatkan AP adalah mudah, antaranya cuma perlu ada syarikat sendiri berhad, modal RM100,000 dan mempunyai fasiliti seperti bilik sejuk, lori dan pekerja.

"Jika ada tambahan syarat mewajibkan syarikat berdaftar dengan persatuan, persatuan boleh sama-sama memainkan peranan membantu membendung perbuatan melanggar syarat," katanya.

Sehingga kini, katanya, daripada 280 ahli persatuan HALMIM, kira-kira 50 syarikat adalah pemegang AP.



Keratan akhbar BH 21 Disember 2020.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/1/2021	METRO AHAD	XPRESI	35

MOHD Farid (kiri) dan Basri memetik anak ayam yang baru menetas.



AGRO

Teks dan foto Hassan Omar
rencana@hmetro.com.my

Pelaburan lebih RM130,000 dalam sektor penetasan anak ayam kampung asli sejak enam tahun lalu kini membuahkan pulangan membanggakan buat penternak muda, Mohd Farid Baharom, 30, dan rakan kongsi, Basri Abu Bakar, 55.

Berasaskan minat mendalam dalam bidang penternakan ayam kampung sejak kecil, Mohd Farid memulakan usaha menternak 70 ekor ayam kampung asli secara konvensional di belakang kediaman ibu bapanya di Kampung Bukit Katil, Melaka pada 2013.

Selepas mendirikan rumah tangga pada 2014, Mohd Farid memulakan projek penternakan 350 ekor ayam kampung asli di kawasan berhampiran kediaman ibu bapa mentuanya di Kampung Pasir Gembor, Tanjung Bidara.

Kejayaan yang ditempa dalam tempoh empat tahun selepas itu menarik minat Basri untuk menyuntik dana bagi mengembangkan penternakan berkenaan. Sekali gus menjadi landasan untuk Basri terbabit dalam sektor penternakan ayam kampung asli secara komersial selepas bersara.

Dengan tekad untuk mencapai kejayaan dalam sektor penghasilan anak ayam kampung asli, mereka menubuhkan syarikat Rezeki Toyib Enterprise bagi memulakan projek Pusat Penetasan Ayam Kampung Asli pada 2018.

PELABURAN PULANGAN LUMAYAN

Dua sahabat tempa kejayaan dalam sektor penghasilan anak ayam kampung asli

Usahawan terbabit melabur kira-kira RM100,000 untuk membina empat reban yang setiap satu berukuran 6 x 15 meter di kawasan seluas 0.4 hektar di belakang kediaman mentua Mohd Farid.

Mereka turut melabur bagi mendapatkan lima unit mesin pengeraman telur ayam yang setiap seunit bernilai RM3,500 dan seunit mesin penetasan anak ayam yang juga bernilai RM3,500.

Berkat kesabaran Mohd Farid menghadiri pelbagai kursus berkaitan

penternakan ayam kampung dan anak ayam kampung, dia bersama Basri memulakan projek berkenaan dengan menternak 900 ekor ayam kampung pada 2018 selain kini berbangga dengan 600 ekor ayam betina serta 70 ekor jantan.

Dengan menempatkan ayam kampung betina dalam tong cat yang dipotong separuh sebagai tempat untuk halwan itu bertelur, setiap seekor mampu menghasilkan tiga biji telur dalam tiga hari.

> 36



ANAK ayam kampung sedia untuk dipasarkan

HASIL 6,000 EKOR SEBULAN

Seekor anak ayam berusia antara 4 hingga 7 hari dijual RM3.50 manakala RM4 untuk usia antara 7 hingga 14 hari

DARI MUKA 36

Selepas bertelur, ayam akan diasingkan dalam tempat khas selama 14 hari bagi mengatasi ketegangan yang dialami haiwan itu kerana tidak mampu mengeram telur dihasilkannya.

Mohd Farid berkata, naluri ayam betina yang sudah bertelur, pasti ingin mengeramkan telurnya sendiri, tetapi ia tidak dapat berbuat demikian kerana telur itu diasingkan dalam bekas khas antara tiga hingga lima hari sebelum dimasukkan ke dalam mesin pengeraman telur atau inkubator.

"Seunit mesin inkubator mampu menampung 1,056 biji telur untuk dieram selama 18 hari dan dengan lima mesin berkenaan, sebanyak 5,280 biji telur mampu dieram.

"Setiap telur itu dicatat tarikh mula dieram dan tarikh perlu dikeluarkan dari mesin sebelum dimasukkan ke dalam mesin penetasan selama tiga hari," katanya.

Suhu pengeraman yang dihadkan dalam mesin berkenaan ialah 38 darjah Celsius manakala suhu kelembapan 65 peratus.

Bagi proses penetasan pula, suhu ditetapkan ialah 37.5 darjah Celsius dan kelembapan 70 peratus bagi memudahkan anak ayam menetas.

Anak ayam yang sudah menetas ditempatkan dalam reban yang dipastikan sentiasa diterangi lampu bagi mengekalkan suhu supaya anak ayam tidak kesejukan dan akhirnya mati.

Seekor anak ayam berusia antara empat hingga tujuh hari dijual pada RM3.50 manakala yang berusia antara tujuh hingga 14 hari bernilai RM4 seekor.

"Setiap bulan kami mampu menghasilkan kira-kira 6,000 ekor anak ayam kampung asli untuk dipasarkan



ke seluruh Melaka dan beberapa kawasan di Perak, Selangor dan Pahang," katanya.

Berikutan komitmen jitu dipamerkan kedua-dua penternak itu, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) memilih mereka menyertai Projek Pengembangan Ayam Kampung Baka MARDI baru-baru ini.

Untuk tujuan itu, MARDI memberikan mereka dua unit mesin pengeraman telur ayam kampung dengan setiap unit mampu menampung 3,168 biji telur, selain seunit mesin penetasan juga dengan keupayaan yang sama.

Projek berkenaan dijangka mula mengeluarkan hasil pada pertengahan 2021, sekali gus meningkatkan kemampuan Mohd Farid dan Basri untuk muncul sebagai antara pengeluar anak ayam kampung asli utama di Melaka serta Malaysia.



MAKANAN berkualiti diberikan



MENGUTIP telur ayam

SEBAHAGIAN daripada 600 ayam kampung asli betina dan 70 ayam jantan dalam reban gergasi.



Seunit mesin inkubator mampu menampung 1,056 biji telur untuk dieram selama 18 hari dan dengan lima mesin berkenaan, sebanyak 5,280 biji telur mampu dieram

MOHD FARID